

02/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2009

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
NEGERI PERAK  
2009

2 jam

---

---

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
- 2 *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
- 3 *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
- 4 *Bahagian C mempunyai lima pilihan dan anda dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.*
- 5 *Bahagian D juga tidak mempunyai pilihan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A (i) : Ringkasan**

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan pelancongan di Malaysia**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Industri pelancongan di Malaysia didapati mempunyai potensi besar dan mampu menjadi satu sumber ekonomi baharu yang menguntungkan. Hal ini demikian berdasarkan alam semula jadi dan banyak lagi daya tarikan lain yang terdapat di negara kita. Setelah pelbagai usaha dijalankan oleh pihak kerajaan, kini industri pelancongan berkembang maju dan merupakan sumber pendapatan kedua terbesar bagi negara kita.

Pelancongan menjadi *penggerak utama* tukaran wang asing. Kedatangan pelancong asing ke Malaysia akan memberikan pulangan tukaran wang asing dengan mudah dan banyak. Pelancongan merupakan salah satu industri yang memerlukan ramai tenaga kerja. Hal yang demikian memperlihatkan bahawa sektor pelancongan akan membuka banyak peluang pekerjaan.

Selain itu, perkembangan industri pelancongan akan meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman dalam industri ini di peringkat pengurusan dan penyeliaan. Golongan pekerja mahir dan separa mahir juga akan mendapat peluang untuk bekerja dalam sektor ini.

Sektor pelancongan akan menarik lebih banyak pelaburan asing. Kegiatan pelancongan yang aktif akan memudahkan kerajaan menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di negara ini. Bidang pelancongan yang berkembang pesat juga akan membuka peluang perniagaan yang luas kepada rakyat tempatan. Melalui pelancongan, akan wujudlah perniagaan berbentuk perkhidmatan sama ada untuk penginapan mahupun pengangkutan, perniagaan makanan, hasil kraf, perniagaan di pusat-pusat beli-belah dan sebagainya.

Industri pelancongan juga akan membolehkan Malaysia mempromosikan produk tempatan agar dikenali ke serata dunia. Produk keluaran tempatan seperti hasil kraf, makanan ringan daripada industri kecil dan sederhana (IKS) dan pelbagai lagi akan terkenal di peringkat antarabangsa melalui pelancong yang berkunjung ke negara ini.

Jelaslah bahawa industri pelancongan sememangnya satu industri yang amat penting dalam menjana ekonomi negara, baik untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Usaha yang padu antara semua pihak termasuk masyarakat amat diperlukan kerana industri ini mampu memberi pulangan yang besar kepada pembangunan ekonomi individu, keluarga, rakyat dan negara.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Dewan Siswa, April 2007)

**Bahagian A (ii) - Pemahaman**

[10 markah]

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- 1 Nyatakan maksud rangkai kata *penggerak utama*? [2 markah]
- 2 Apakah jenis perniagaan yang akan wujud dengan berkembangnya sektor pelancongan di negara kita? [4 markah]
- 3 Sebagai rakyat Malaysia, apakah sumbangan yang boleh anda berikan untuk membantu industri pelancongan negara? [4 markah]

**Bahagian B**

[20 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan mengamalkan sikap prihatin dalam kalangan masyarakat. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

**MASYARAKAT MALAYSIA YANG PRIHATIN**

**Bahagian C**

[40 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

1. Anda telah memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah hasil daripada persediaan awal sebelum menduduki peperiksaan tersebut. Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan persediaan yang telah anda lakukan. Sediakan surat tersebut selengkapnya.
2. Gejala cetak rompak memberi impak negatif kepada masyarakat dan negara. Huraikan langkah-langkah untuk menangani gejala ini.
3. Sejak akhir-akhir ini, kebakaran sering berlaku yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan mengorbankan nyawa manusia. Berikan sebab-sebab berlakunya kebakaran di negara kita.

4.

**Hukuman merotan pelajar perlu diwujudkan semula di sekolah-sekolah**

Jelaskan kebaikan pelaksanaan hukuman tersebut.

5.

**Pulau pandan jauh ke tengah,  
Gunung daik bercabang tiga;  
Hancur badan di kandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.**

Pantun di atas membawa maksud ketinggian nilai budi dalam masyarakat.

Anda diminta menulis cerpen berdasarkan nilai murni yang disampaikan melalui pantun di atas.

**Bahagian D**

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji seperti yang berikut:

- (i) **Aku Anak Timur**, karya Raja Sabaruddin Raja Abdullah
- (ii) **Kapten Hassan Wira Bangsa**, karya Harun Johari
- (iii) **Merdeka! Merdeka!**, karya A. Rahman Hanafiah

Pengarang sentiasa menyelitkan pelbagai pengajaran dalam sesebuah novel. Berdasarkan novel yang telah anda kaji, jelaskan tiga pengajaran yang anda peroleh. Bagi setiap pengajaran tersebut, berikan contoh peristiwa yang berlaku.